

Praktis 2

- A. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Kesalahan Bahasa Aras R

Aktiviti sukan merupakan aktiviti yang berfaedah. Lazimnya aktiviti sukan dijalankan untuk mengisi masa lapang. Aktiviti sukan harus menyihatkan badan. Apabila bersukan, badan kita telah mengeluarkan peluh. Oleh itu, badan kita sihat dan cergas. Selain itu, aktiviti sukan berupaya memupuk sikap bekerjasama antara individu. Hal ini dapat dilihat dalam aktiviti sukan secara berpasukan seperti bola sepak, bola baling, bola keranjang, dan sebagainya.

- (i) _____
- (ii) _____

- B. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Kesalahan Bahasa Aras R

Dewasa ini, isu keruntuhan akhlak golongan remaja sering menjadi buah mulut masyarakat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk membendung masalah ini, masih tiada perubahan yang memberangsangkan. Institusi kekeluargaan adalah punca utama masalah ini berlaku dalam kalangan remaja. Jika pertelingkahan sering berlaku dalam keluarga, golongan remaja akan membuat keputusan yang bukan wajar seperti lari dari rumah dan terlibat dengan perkara-perkara yang negatif.

- (i) _____
- (ii) _____

- C. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kesalahan Bahasa Aras R

Obesiti dapat didefinisikan sebagai kegemukan yang disebabkan oleh lemak yang berlebihan di dalam badan. Obesiti mungkin dialami oleh sesiapa sahaja tanpa menjaga peringkat umur. Masalah obesiti di Malaysia berpunca daripada gaya hidup masyarakat kita yang gemar mengutip makanan segera dan kurang bersenam. Obesiti membawa impak yang buruk terhadap kesihatan kita. Penyakit kronik seperti penyakit jantung, kencing manis, dan darah tinggi banyak berpunca daripada obesiti.

- (i) _____
- (ii) _____

D. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Kesalahan Bahasa (Arahan)

- 1 Dalam pendapat saya, amalan menjaga kebersihan harus bermula dari rumah.

- 2 Puan Rozita kehilangan kedua bentuk cincin pada pagi tadi.

- 3 "Kami perlu membeli khemah yang ringan dan tahan lasak," kata Jaden kepada Faliq.

- 4 Pasukan tentera itu berjaya menahan kubu musuh.

- 5 Novel tulisan S. Othman Kelantan itu sudah dibaca oleh saya kelmarin.

- 6 Sultan Alauddin Riayat Shah menaiki takhta selepas kemangkatan ayahanda beliau, Sultan Mansur pada tahun 1477.

- 7 Pemandu kereta itu disaman oleh pihak polis kerana mencantas kenderaan lain di garisan berkembar.

- 8 Gua Niah merupakan gua yang paling terbesar di Malaysia.

- 9 Abang Mizan sanggup bekerja lebih masa setiap hari untuk menghilangkan beban ibu dan ayahnya.

- 10 Tujuan utama pertandingan berbalas pantun itu diadakan ialah untuk menyemaikan rasa cinta akan puisi tradisional dalam kalangan murid.

- 11 Encik Zainal membawa keluarganya makan malam di Resipi Warisan Restoran.

- 12 Syifa membuatkan segelas air oren untuk adiknya yang baru pulang dari sekolah.
-
- 13 Siapa yang ingin mendapatkan rawatan di klinik gigi itu, perlu membuat janji temu lebih dahulu.
-
- 14 Seorang pekerja pembersihan menjumpai mayat lelaki yang melecur sekalian badannya di belakang bangunan itu.
-
- 15 Sultan Johor, Sultan Ibrahim sudi menziarahi mangsa banjir yang ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS), di Kota Tinggi, Johor hari ini.
-
- 16 Sejak tadi Ikram asyik termenung seperti ada segenap masalah yang sedang difikirkannya.
-
- 17 Penyakit mental adalah masalah kesihatan yang mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat selepas penyakit jantung.
-
- 18 Ketua Polis Negara mengingatkan orang ramai agar tidak mengeluarkan kenyataan yang memegang sensitiviti kaum.
-
- 19 Isu keganasan rumah tangga yang dimuat naik akan seorang wanita dalam media sosialnya mendapat perhatian warga siber.
-
- 20 Pihak polis meminta mereka-mereka yang melihat kejadian langgar lari itu tampil untuk membantu siasatan.
-
- 21 Encik Imran bercadang untuk membukukan segala pengalaman baginda semasa bertugas dalam pasukan polis suatu masa dahulu.
-
- 22 Haris telah menyertai aktiviti perkhemahan unit beruniform pada hujung minggu ini.
-